

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD
JANOR, NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN
ULANG TAHUN PENUBUHAN POLIS BANTUAN
UiTM KE-12
DAN
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
KECEMERLANGAN POLIS BANTUAN UiTM TAHUN
2023

21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS | 9.00 PAGI

ANJUNG SERI BUDIMAN

UiTM SHAH ALAM

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

[SALUTASI - KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

- **Yang Berbahagia Deputy Superintendan Polis Bantuan, Zakaria Ishak,**
Ketua Polis Bantuan UiTM
- **Yang Berbahagia Tuan Badarudin Mohd Dom,**
Mantan Ketua Polis Bantuan UiTM
- Pegawai-pegawai Kanan Polis Bantuan UiTM,
- Mantan Pegawai Kanan Polis Bantuan UiTM,
- Serta semua warga Polis Bantuan UiTM yang diraikan.

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Polis Bantuan UiTM Ke-12** dan **Majlis Anugerah Kecemerlangan Polis Bantuan UiTM Tahun 2023.**

2. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Penganjur yang begitu komited dalam menjayakan majlis hari ini.

Para hadirin sekalian,

3. Pada tahun ini, Polis Bantuan UiTM telah menjangkau usia 12 tahun bermula penubuhannya pada 18 April 2011 oleh pihak Polis Diraja Malaysia.

4. Saya berbangga, UiTM merupakan Universiti Awam pertama yang telah menubuhkan Polis Bantuan UiTM dan seterusnya menjadi perintis kepada Universiti Awam yang lain.

5. Pada awalnya, Polis Bantuan UiTM dikenali sebagai **Bahagian Keselamatan**. Ia seiring dengan penubuhan UiTM Shah Alam dan seluruh kampus cawangan. Penubuhan Polis Bantuan ini telah melalui fasa transformasi di bawah Projek Khas Naib Canselor di bawah pimpinan Profesor Emeritus Tan Sri Dato Seri Sahol Hamid Abu Bakar.

6. Alhamdulillah, sehingga Mac 2023, saya difahamkan lebih kurang seramai 982 orang Polis Bantuan yang telah berkhidmat bersama UiTM di seluruh Malaysia. Dan jumlah itu mungkin lebih kerana dalam tempoh tersebut, terdapat pegawai yang belum dilantik.

7. Sehubungan itu, majlis ini dianjurkan bukan sahaja meraikan ulang tahun penubuhan dan penerima anugerah kecemerlangan, malah majlis ini juga turut meraikan semua warga Polis Bantuan yang menyumbang bakti kepada UiTM.

Para hadirin sekalian,

8. Saya faham, tugas sebagai Polis Bantuan bukanlah mudah. Peranannya dalam menjaga keselamatan warga kampus, tidak dapat dinafikan kepentingannya

9. Di Universiti ini, kita tidak lekang daripada pelbagai cabaran dan ancaman, sama ada secara fizikal dan maya, dari dalam dan luar universiti.

10. Walaupun begitu, warga UiTM dan masyarakat telah meletakkan kepercayaan yang tinggi kepada Tuan Puan sekalian untuk memastikan keterjaminan keselamatan warga kampus terpelihara.

11. Perlu saya tekankan juga, kerjasama antara Polis Bantuan dengan warga Universiti merupakan satu pendekatan yang berkesan dan menjadi tunjang utama

ke arah mencapai kesejahteraan dan keselamatan komuniti.

12. Yakinlah, tindakan yang telah dilaksanakan oleh Tuan Puan dalam mengatasi dan mendepani isu serta masalah yang berlaku merupakan satu tugas yang mulia.

13. Sekali lagi, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Polis Bantuan UiTM seluruh Malaysia atas sumbangan dan khidmat cemerlang yang telah diberikan kepada semua warga UiTM. Tahniah juga saya ucapkan kepada bakal penerima Anugerah Kecemerlangan sebentar lagi.

14. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Majlis Sambutan Ulangtahun Penubuhan Polis Bantuan UiTM Ke-12.**

**Sekian,
Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**